

Kualiti udara seluruh negara semakin baik

KUALA LUMPUR - Kualiti udara negara terus menunjukkan perkembangan baik semalam dengan hampir keseluruhan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) bawah 100 atau sederhana.

Berdasarkan bacaan IPU terkini di portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) setakat pukul 8 pagi semalam, sebanyak 67 kawasan mencatat kualiti udara sederhana, termasuk Sri Aman, Sarawak yang pernah merekodkan bacaan IPU melebihi 400 iaitu berbahaya pada

Jumaat lepas.

Johan Setia Klang, Selangor yang tidak menunjukkan perubahan kualiti udara sejak semalam, menjadi satu-satunya kawasan dengan IPU tidak sihat pada paras 153 pagi semalam, manakala Putrajaya, Klang, Selangor serta Tasek Ipoh dan Seri Manjung, Perak kini mencatat IPU sederhana berbanding tidak sihat malam semalam.

Bacaan IPU antara 0 dan 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya.

Jabatan Meteorologi Malay-

sia sebelum ini, meramalkan keadaan jerabu yang melanda negara sejak dua minggu lepas akan beransur pulih susulan fasa Monsun Peralihan yang bermula kelmarin.

Sementara itu, tinjauan *Bername* di ibu negara semalam mendapati, orang ramai kembali menikmati aktiviti riadah di luar bangunan ekoran kualiti udara yang semakin pulih sejak semalam selepas lebih dua minggu negara dilanda jerebu.

Cuaca cerah turut mendorong netizen memuat naik pelbagai ciapan mengenai perkembangan baik kualiti udara yang semakin baik.



PEMANDANGAN sekitar bandar raya George Town, Pulau Pinang jelas kelihatan ekoran keadaan jerebu semakin pulih bermula pagi semalam.